



PEKELILING JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA BIL 2/2022

PEMAKLUMAN MENGENAI KUTIPAN FI PROSES KEPADA PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL DI NEGERI MELAKA BERDASARKAN MANUAL PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (DOMESTIK) 2020

PENDAHULUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua pemohon Pensijilan Halal di Negeri Melaka mengenai pelaksanaan kutipan fi proses kepada permohonan Pensijilan Halal yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Melaka.
2. Pekeliling ini hendaklah digunapakai oleh individu/syarikat di seluruh Negeri Melaka dalam urusan berkaitan Pensijilan Halal.

PELAKSANAAN DAN PEMAKAIAN

3. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 telah digunakan pada Januari 2021 bagi menggantikan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (semakan ketiga) 2014 bagi keperluan berkaitan Pensijilan Halal Malaysia kategori domestik. Manakala Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 pula dibangunkan menggantikan *Guideline for Halal Assurance Management System* dan menjadi rujukan kepada kawalan halal dalaman bagi Pensijilan Halal Malaysia domestik dan antarabangsa.

4. Bahagian III (FI), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 telah menetapkan kadar bayaran fi proses yang dikenakan kepada permohonan Pensijilan Halal Malaysia adalah sebagaimana berikut:

BIL.	PERKARA	KLAUSA/ PROSEDUR	KADAR (RM)
1.	Syarikat yang berdaftar di dalam negara.	7(1)	20
2.	Syarikat dan/atau pemohon yang berdaftar di luar negara dan menjalankan pengilangan produk di dalam negara.	7(2)	200

5. Pemohon/ pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang ingin menghantar dokumen permohonan hendaklah memastikan dokumen permohonan lengkap sepertimana senarai semak di dalam sistem MyeHALAL mengikut skim permohonan. Permohonan yang tidak lengkap akan di tolak di peringkat kaunter.
6. Pemohon/ pemegang SPHM hendaklah mencetak surat proses permohonan di dalam sistem bagi tujuan pembayaran dan diserahkan di kaunter semasa menghantar permohonan.

KAEDAH PEMBAYARAN FI PROSES PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL

7. Semua pembayaran fi proses permohonan pensijilan halal hendaklah di buat dalam **bentuk kiriman wang atau bank deraf** atas nama **MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)** dan diserahkan di kaunter Bahagian Pengurusan Halal semasa menghantar permohonan.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **dari tarikh ia dikeluarkan.**

LAIN-LAIN

9. Sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan garis panduan ini bolehlah dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Halal, JAIM melalui nombor 06 - 3333333 samb. 3600/3605 atau e-mel ke halalmelaka@yahoo.com.my.



DATO' CHE SUKRI CHE MAT

Pengarah

Jabatan Agama Islam Melaka

Tarikh : 24/11